

21 APR 1999

Mohamed-Shahnon

NOVEL SHAHNON BERMOTIF POLITIK, KATA MOHAMED RAHMAT

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata sebuah novel karya Sasterawan Negara Datuk Prof Shahnon Ahmad mempunyai motif politik kerana mengandungi banyak perkataan lucah ditujukan kepada kepimpinan negara.

"Saya fikir ia bermotif politik kerana diapun seorang ahli parti pembangkang dan tentu dia nak menggunakan kedudukannya sebagai professor dan Sasterawan Negara menerusi kebolehannya menulis untuk mempengaruhi dan meningkatkan kebencian orang ramai terhadap kepimpinan negara," katanya.

Kementerian Dalam Negeri perlu mengkaji segera kandungan novel itu serta implikasi yang boleh timbul dan mengambil tindakan wajar sekiranya novel itu ternyata berniat jahat, katanya kepada pemberita di pejabatnya.

Beliau berkata demikian semasa ditanya mengenai novel setebal 240 muka itu bertajuk SHIT di kulitnya, dan Pu**Mak @ PM (Novel Politik Yang Busuk Lagi Membusukkan) di bahagian dalam.

Mohamed berkata beliau merasa amat kecewa dengan langkah Shahnon menerbitkan novel sedemikian kerana ia tidak melambangkan kedudukannya sebagai seorang professor dan Sasterawan Negara.

Beliau meminta rakyat supaya memulau novel itu kerana ia tidak bersifat pendidikan tetapi bertujuan menimbulkan kebencian terhadap pucuk kepimpinan.

"Shahnon perlu sedar bahawa dia mencapai status seorang pensyarah, professor dan Sasterawan Negara di bawah kepimpinan negara sekarang," kata Mohamed.

Beliau menganggap perbuatan Shahnon itu sebagai tindakan orang yang tidak tahu bersyukur terhadap kebaikan yang diperolehinya selama ini.

Mohamed juga berkata perbuatan presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail memberi kenyataan menerusi media asing berhubung kepimpinan dan negara ini akan memburukkan negara sendiri.

"Saya nak jelaskan bahawa media asing hanya mahu memperalatkan beliau supaya agenda mereka memburukkan Malaysia berterusan dan Malaysia akan terus mendapat kecaman," katanya bila ditanya mengenai temuramah Wan Azizah oleh Cable News Network (CNN) di Hong Kong baru-baru ini.

Dalam temuramah itu Wan Azizah berkata kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan darurat akibat daripada perhimpunan haram dan ketiadaan keadilan di Malaysia.

-- BERNAMA

ARA MAI